



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**

**TUGASAN PENYEDIAAN MAKANAN
F.1-2-3 EB.4 / F.3-4 EB.5 / F.4-5 EB.6
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



TUKANG MASAK

KETUA TUKANG MASAK

TUKANG MASAK ASRAMA

TUKANG MASAK RANCANGAN PERMAKANAN SEKOLAH

JABATAN-JABATAN KERAJAAN

F.1-2-3 EB.4 (\$445 - \$650 EB KHAS \$660 - \$700 SEBULAN)

F.3-4 EB.5 (\$550 - \$700 EB KHAS \$715 - \$775 SEBULAN)

F.4-5 EB.6 (\$620 - \$790 EB KHAS \$805 - \$865 SEBULAN)

KEKOSONGAN = SATU (01)

BAGI JAWATAN YANG TIDAK DINYATAKAN DI ATAS DAN MEMPUNYAI TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB YANG SEBANDING BOLEH DIPERTIMBANGKAN MASUK KE PROSES PENGISIAN KLUSTER

KELAYAKAN MINIMUM:


1. a) Lulus tingkatan satu (01) atau sebanding.

ATAU

- b) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan sebagai Tukang Masak atau dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) Mempunyai pengalaman kerja yang berkaitan selama tidak kurang dari 5 tahun.
2. Mempunyai kelayakan tambahan dalam bidang memasak dan berkebolehan memasak pelbagai jenis hidangan adalah kelebihan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

JABATAN BIRO KAWALAN NARKOTIK, JABATAN PERDANA MENTERI

JAWATAN: KETUA TUKANG MASAK (F.4-5 EB.6) - 01 KEKOSONGAN

1. Bertanggungjawab dan melapor kepada pegawai atasan;
2. Bertanggungjawab dan memastikan hidangan yang diberikan kepada residen adalah bersih dan selamat;
3. Bertanggungjawab ke atas keselamatan dan kebersihan dapur, alat perkakas yang disediakan;
4. Melaporkan segala kerosakan / kekurangan alat-alat perkakas dapur kepada pegawai atasan; dan
5. Menjalankan tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa oleh pegawai atasan.